

# Qalam

Majalah bulanan terbit tiap-tiap awal bulan Masihi.

Bilangan 6 - Januari 1951 - Senaskhah 50 sen

## MAULID DAN TUJUANNYA

-----\*-----

*Allahumma Salli Wasallam wa barik 'Alaih* - hari ini sebagaimana

biasa telah lazim di sana sini diadakan perayaan menyambut atau memperingati Hari Maulid junjungan kita Muhammad bin Abdullah (SAW) untuk mengenang jasa dan kemuliaan junjungan kita yang telah menjadi pesuruh Allah membawa umatnya supaya hidup menjadi khalifah di bumi Allah ini.

Sambutan itu diadakan dengan berbagai-bagai cara dan gaya yang semua ditujukan oleh mereka ialah memperingati hari yang berbahagia itu dan daripadanya adalah menjadi bukti bahawa mereka tersangat kasih dan sayang serta memuliakan kepada Rasulullah dengan sebab itu berzaman-zaman lamanya turun menurun mereka menyambut dan memuliakan hari itu semata-mata kerana menghormatinya.

Di dalam kita menyambut hari yang berbahagia ini, di dalam kita memperingati hari diputerakan junjungan kita itu maka hendaknya janganlah kita hanya beramai-ramai mengadakan kenduri kendara mengadakan perarakan ini dan itu sahaja tetapi hendaknya di dalam tiap-tiap kali kita merayakannya, di dalam tiap-tiap kali kita mengadakan perayaan kerana sambutan itu maka hendaklah kita adakan sesuatu yang membawa kepada kebijakan masyarakat, sesuatu yang membawa faedah untuk membantu dan menyelamatkan saudara-saudara kita yang susah sebab ia memberi pelajaran kepada

kita bahawa di antara kita sesama orang Islam itu bersaudara - sakit sama sakit, senang sama senang. Bertolongan-tolongan di antara satu sama lain supaya hidupnya bina membina.

Menurut pendapat kita, dengan tidak tujuan kita mengecilkan segala keraian yang diadakan, tidak ada faedahnya sesuatu pun kita mengadakan sambutan itu kalau kita tidak mengikut segala ajaran dan suruhannya, mengikut segala jejak dan langkah yang dijalankannya untuk membina kedudukan masyarakat kita yang pada masa ini boleh dikata di antara satu sama lain telah bersifat nafsu nafsi iaitu suatu sifat yang dikeji dan sangat dicela oleh junjungan kita sendiri bahkan yang demikian itu telah pun diingatkan dan diamanahkan oleh beliau supaya kita jangan bersifat sedemikian itu.

Sepatutnya di dalam perayaan atau di dalam kita mengulang merayakan hari diputerakan junjungan kita itu hendaklah kita mempelajari cara kehidupan dan cara pembangunan yang diadakan olehnya sehingga perjalannnya itu ia telah mempunyai pengikut yang bukan sedikit dalam masa yang singkat yang keadaannya boleh diuji - tak luntur oleh sesuatu yang mendarang kepadanya.

Keadaan kita hari ini adalah menghendaki supaya kita berbalik semula ke pangkal yakni mengikut jejak dan cara yang telah diajarkan oleh Rasulullah (SAW) untuk membina semula kedudukan kita yang kucar kacir dan pecah belah itu dengan membawa suatu cara kepada binaan yang kuat - kuat tidak akan dapat dipecah oleh anasir-anasir yang dari satu masa ke suatu masa sememangnya mencari jalan sama ada terang atau tidak, untuk meruntuhkan perdirian dan keimanan tiap-tiap seorang Muslim.

Untuk hal yang demikian itu hendaklah kita mengulang tawarikh bagaimana Rasulullah (SAW) mengadakan binaan yang kuat supaya umat dapat berdiri tegak mempertahankan kemuliaan dan kesucian agama Allah yang dibawa olehnya. Rasulullah (SAW) pada mulanya adalah terlebih dahulu menunjukkan kepada umat yang

sangat taksub pada masa itu bahawa ia itu seorang yang amanah dan tulus ikhlas, tepat memegang janji yang menjadikan ia sungguhpun muda telah mendapat gelaran Al-Amin (orang yang dipercayai) sehingga pada suatu masa kerana penuh kepercayaan orang kepadanya maka ia telah diserahkan suatu pekerjaan bagi menyelesaikan suatu masalah yang harus membawa perpecahan dan perbalahan yang hebat di antara bangsanya iaitu tatkala orang-orang hendak mengangkat batu Hajarutul Aswad kepada tempatnya semula.

Apabila kepercayaan itu telah ada maka Rasulullah (SAW) memulai binaan itu dengan memasukkan faham-faham yang kuat kepada batin sahabat-sahabatnya dengan meletakkan perasaan tauhid mengesakan Illahi yang dengannya setelah mereka itu mempunyai keyakinan yang teguh maka sahabat-sahabat tadi pun menerima ujian-ujian kerana Allah telah berfirman maksudnya “Adakah manusia itu mengira bahawa ia akan dibiarkan berkata “Kami telah beriman, dengan tidak mendapat cubaan? “ dengan ini maka percubaan-percubaan itu telah datang dengan hebatnya kepada Rasulullah (SAW) dan kepada sahabat-sahabat sehingga kerana kepercayaan mereka yang kuat itu berbagai-bagai penderitaan telah ditanggung mereka. Berbagai-bagai azab sengsara telah dirasai mereka bahkan keluarga Rasulullah (SAW) sendiri telah menanggung suatu penderitaan tatkala barang-barang tidak akan dimasukkan kepada kawasan mereka sehingga mereka menanggung lapar tetapi kerana iman mereka masing-masing tebal dan percaya bahwasanya Allah akan menolong mereka, semuanya itu diterima dengan berasa syukur dan megah dengan tidak sedikit pun mengeluh serta menyerahkannya kepada kekuasaan Illahi dengan sepenuh-penuhnya yang tidak ada tolok bandingannya di dalam tawarikh dunia.

Pada masa itu mereka-mereka yang bersefahaman belum pun berapa kuat dan Rasulullah (SAW) mengadakan pelajaran-pelajaran Islam itu hanya kepada beberapa orang sahaja tetapi sungguhpun sedikit keyakinan mereka sangat kuat tak lapok dek hujan – tak lekang dek panas tetap memegang apa yang diyakini

mereka tetapi sungguhpun begitu Rasulullah (SAW) berpendapatan belum juga tiba saatnya yang Rasulullah (SAW) akan keluar berterang-terang menunjukkan fahamannya itu kepada umat yang di dalam kesesatan yang mempunyai tabiat seperti batu yang pejal kerasnya.

Yang demikian itu tidak lama antaranya kerana apabila Saidina Umar telah bersekutu mengesakan Allah maka pada masa itulah baharu mulai Rasulullah (SAW) berterang-terang menyeru umat mentauhidkan Allah dan sudah tentu perbuatan yang berterang-terang itu menerima sambutan-sambutan yang hebat yang akhirnya menjadikan Rasulullah (SAW) berpendapatan dan menerima perintah supaya berhijrah ke Madinah untuk meluaskan faham-faham itu supaya kelak daripada tempat berhijrah itu dengan sendirinya faham-faham yang bersendiri itu akan nampak dari jauh bersinar-sinaran menyinari mereka-mereka yang memandang dari jauh supaya mereka mempunyai keinginan kepada barang yang benar yang cemerlang itu.

Dalam pepindahan inilah tergambar suatu cara kehidupan yang luar biasa, cara persaudaraan yang tidak ada tolok bandingnya di atas dunia ini di antara sahabat-sahabat Ansar dan Muhaqirin sehingga ada di antara mereka itu yang melebihkan ikatan yang kuat bertauhid mengesakan kebesaran Allah bukan untuk maslahat diri tetapi untuk maslahat berjihad kepada jalan Allah berharap kepada keredhaan dan kelimpahan-Nya.

Dalam persahabatan ini dapat kita perhatikan bagaimana tulus ikhlas di antara masing-masing itu. Sahabat yang Muhaqirin yakni yang berpindah dari Mekah tidak mahu menerima pemberian yang begitu sahaja untuk melepaskan kelemahan hidupnya. Ia menerima pertolongan daripada sahabatnya Ansar (orang Madinah) itu dengan mengambilnya dibawa berusaha dengan diberi keuntungan di bahagian dua sebab kepada mereka telah diajarkan kepada yang lemah itu hendaklah diberi pertolongan bukannya menyuruh orang itu malas tetapi pertolongan yang diberi itu ialah supaya ia bekerja mencari kekayaan di bumi Allah ini

dengan tenaga dan usahanya sendiri dengan sekadar bantuan itu sebagai permulaan usahanya juanya bukannya sebagai sedekah kerana orang yang meminta sedekah itu ialah seorang yang rendah amnya.

Dengan cara-cara yang demikian ini tidak lama antaranya maka binaan ini semakin kuat dan sungguhpun iktisad pada masa itu tidak berapa tegap tetapi Rasulullah (SAW) telah memulai melangkah memasuki siasah kerana apabila siasah telah ada maka sekalipun kedudukannya lemah di dalam iktisad tetapi suara siasah lebih kuat untuk mempengaruhi mereka-mereka yang di luar daripada lingkungannya yang telah mencuba pula mendatangkan lingkungan, yang telah mencuba pula mendatangkan kekacauan sama ada dengan jalan yang terang ataupun dengan jalan yang sulit sehingga terbitlah langkahannya itu sebagai sebuah kerajaan yang teratur dan tersusun dengan sempurnanya yang belum pernah ada seumpamanya.

Pendeknya di dalam masa kita menyambut memperingati hari diputerakan junjungan kita ini tidak sempurna segala sesuatu itu dan segala sesuatu akan menjadi mubzir jua kalau pada masa itu kita tidak menyentuh atau meniru sunnah-sunnah yang dikehendaki yakni mengadakan suatu binaan yang berupa dan janganlah hendaknya kita menghabiskan wang berpuluhan-puluhan ribu mengadakan jamuan makan dan sebagainya tetapi kesannya tidak sedikit pun ada kepada masyarakat kita sehingga habis masa makan, habis masa perayaan habislah riwayatnya, tamatlah kisahnya sedang masyarakat kita, sedang fakir dan miskin kita, sedang perempuan-perempuan janda kita dan sedang anak-anak yatim kita telah lari ke lain-lain agama oleh kerana kecuaian kita, oleh kerana tidak ada tempat kita yang diuntukkan kepada mereka yang lemah dan tidak berupaya itu. insafalah kepada keadaan yang demikian itu dan inilah maknanya kita menyambut atau kita memberi selawat kepada junjungan kita Muhammad (SAW) adanya.

## MUHAMMAD

-----\*-----\*

Muhammad Rasul telah tera'lam

Membawa wahyu terang tersulam

**M**

Menerangkan kebenaran yang telah kelam

**M**

Memperbaiki akhlak manusia di alam

**H**

Halim sabar maksum saleh

Hafaz firman disampaikan sarih

Hiba ke umatnya dilarang talih

**H**

Hal keadaannya dipandang malih

Muhammad Sallallah Alaihi Wasallam

**M**

Menerima kuasa yang amat karam

Mensyafaatkan umatnya dari jahanam

**M**

Memasukkan pula ke Darussalam

**D**

Diberinya tau Allah Ahad

Dan lagi pula ianya Samad

Dan tidak beranak tak pula yulad

**D**

Dianyalah diibadatkan hingga ke lahad

Harun D. L Singapura

Maksudnya perkataan di dalam syair ini :

Halim – pembalas

Maksum – tidak berdosa

Sarih – berterus terang

Hiba – cinta

Talih – fasik

Malih – cantik

Lahad – liang lubur